



**SINGAPORE
CANCER
SOCIETY**




ADAKAH SAYA PERLU MENJALANI UJIAN BARAH PROSTAT?

Maklumat adalah tepat pada masa percetakan (Jul 2018) dan tertakluk pada pengemaskinian tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Maklumat yang disediakan dalam penerbitan ini adalah untuk tujuan pendidikan semata-mata dan tidak boleh dijadikan pengganti kepada diagnosis atau rawatan perubatan. Anda perlu mendapatkan nasihat daripada doktor atau pakar kesihatan yang berkelayakan sebelum memulakan sebarang rawatan atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan kesihatan, kecergasan, atau masalah perubatan anda.

Barah Prostat

...dapatkan fakta yang tepat

Anda mungkin pernah mendengar tentang barah prostat atau mengenali seseorang yang menghidap penyakit tersebut. Risalah ini menyediakan beberapa fakta ringkas mengenai barah prostat yang perlu diambil tahu oleh setiap lelaki.



Apa itu barah prostat?

Prostat ialah sejenis kelenjar berbentuk walnut yang terletak di bawah pundi kencing lelaki. Barah prostat berpunca daripada ketumbuhan tidak normal yang boleh merebak ke kawasan berhampiran atau ke organ yang lebih jauh.

Fakta barah prostat...

Apa itu barah prostat?

Ya! Barah prostat ialah barah ketiga paling kerap dalam kalangan lelaki Singapura, dan risikonya meningkat seiring dengan pertambahan usia. Kematian akibat barah prostat agak jarang berlaku kerana hanya sedikit kejadian yang akan mencapai tahap melarat. Untuk seorang lelaki biasa yang sihat, risiko kematian akibat barah prostat adalah sekitar 3%.

Adakah barah prostat mempunyai kaitan dengan hipertrofi prostatik benigna (benign prostatic hypertrophy, BPH)?

Tidak! Barah prostat dan hipertrofi prostatik benigna merupakan dua penyakit yang berbeza. Dalam BPH, pembesaran prostat boleh menjejaskan aliran air kencing, tetapi ia tidak akan merebak ke organ-organ lain dan tidak mempengaruhi jangka hayat seseorang.

Adakah Barah Prostat penyakit yang berbahaya?

Ia boleh menjadi berbahaya. Jika anda menghidap barah prostat yang cepat membesar, barah tersebut boleh membesar dan merebak ke organ-organ yang lain. Barah yang merebak melalui cara ini dikenali sebagai barah prostat metastatik.

Walau bagaimanapun, barah prostat tidak semestinya berbahaya.

Kebanyakan barah prostat membesar dengan lambat dan kekal di kelenjar prostat tanpa sebarang kesan terhadap jangka hayat pesakit. Tumbuhan yang lambat membesar memerlukan pemantauan rapi dan mungkin tidak perlu dirawat.

Adakah Barah Prostat boleh dirawat?

Ya! Terdapat banyak rawatan untuk barah prostat yang cepat membesar. Walau bagaimanapun, jika barah sudah merebak melepasi prostat, rawatan hanya boleh mengawal gejala barah dan mengurangkan perebakannya, tetapi peluang untuk sembuh sepenuhnya agak tipis.



Daripada kesemua lelaki berusia lapan puluh tahun yang meninggal akibat faktor yang tidak berkaitan seperti penyakit jantung, hampir separuh daripadanya mempunyai ketumbuhan berbarah di dalam prostat mereka.

Adakah Barah Prostat menunjukkan sebarang gejala?


Tidak semestinya! Di peringkat awal, barah prostat mungkin tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda. Sebaik sahaja barah merebak, ia boleh menyebabkan gejala yang serius.

DIAGNOSIS di peringkat awal melalui saringan boleh mengesan penyakit tersebut ketika ia masih berpeluang untuk sembuh.


Peringkat-peringkat barah prostat

Peringkat semasa Diagnosis

Barah Prostat Awal



Barah Prostat Melarat



Gejala

- Biasanya tiada
- Mungkin mengalami masalah berkaitan air kencing

- Kesukaran membuang air kecil
- Air kencing atau mani berdarah
- Rasa sakit akibat barah merebak ke tulang
- Keletihan
- Berat badan menurun

Rawatan

- Barah yang lambat membesar mungkin hanya memerlukan pemantauan
- Barah yang cepat membesar mungkin boleh disembuhkan dengan membuang prostat atau terapi radiasi kepada prostat

- Barah telah merebak melepasi prostat dan tidak dapat disembuhkan
- Pembedahan untuk membuang testis atau ubat yang menyekat hormon lelaki boleh memperlambatkan pembesaran barah prostat
- Barah prostat yang sangat melarat mungkin memerlukan kemoterapi dan terapi radiasi

Prognosis

- 90% pesakit mempunyai jangka hayat melebihi 15 tahun
- Dengan rawatan, peluang untuk barah merebak adalah tipis

- 40% pesakit mempunyai jangka hayat melebihi 5 tahun.

Di Singapura, satu daripada empat lelaki yang menghidap barah prostat mengalaminya di peringkat melarat apabila didiagnosis.

Diagnosis awal melalui saringan mampu mengurangkan jumlah ini separuh kali ganda.



Ujian PSA: Adakah anda patut menjalaninya?



Apakah yang terjadi semasa biopsi prostat?

Semasa biopsi prostat, sebatang jarum halus akan digunakan untuk mengeluarkan sampel yang kecil daripada kelenjar prostat. Sampel ini kemudian diperiksa untuk mengesan kehadiran barah. Terdapat risiko komplikasi seperti rasa sakit, air kencing berdarah, jangkitan kuman, dan kesukaran membuang air kencing untuk jangka pendek.

Adakah keputusan ujian PSA yang tinggi bermaksud anda menghidap barah prostat?

Tidak semestinya! Banyak masalah lain melibatkan prostat yang bukan barah yang boleh meningkatkan paras PSA, contohnya BPH dan jangkitan kuman. Jika PSA tinggi, ujian biopsi mungkin diperlukan untuk menentukan diagnosis barah prostat.

Apa itu UJIAN PSA?

Ujian PSA ialah sejenis ujian darah yang mengukur paras antigen khusus prostat (prostate-specific antigen, PSA) dan digunakan untuk menyaring barah prostat. Lelaki yang menghidap barah prostat biasanya mempunyai paras PSA yang tinggi.

Apakah faedah ujian PSA?

Bagi lelaki yang menghidap barah prostat cepat membesar, ujian PSA membantu diagnosis di peringkat awal ketika barah masih terhad kepada prostat. Diagnosis awal mengurangkan risiko barah merebak ke bahagian tubuh yang lain di samping kematian.

Apakah yang boleh saya jangkakan daripada ujian PSA?

Ujian Darah PSA: Langkah 1

80% lelaki yang diuji mempunyai paras PSA yang NORMAL

Tidak memerlukan biopsi prostat kerana risiko barah prostat adalah rendah. Pengujian semula boleh dipertimbangkan dalam masa 3-5 tahun.

20% lelaki yang diuji mempunyai paras PSA yang TINGGI

Lazimnya, biopsi prostat disarankan. Ujian PSA mungkin perlu diulang sebelum membuat keputusan untuk biopsi.

Biopsi PSA: Langkah 2

Terdapat

25%

kemungkinan biopsi akan menemukan barah

75%

kemungkinan tidak ada barah. Sesetengah barah mungkin tidak dikesan semasa biopsi. Oleh yang demikian, pemantauan lanjut tahap PSA mungkin diperlukan. Sesetengah lelaki mungkin memerlukan lebih daripada satu biopsi.

Terdapat

0.5%

kemungkinan komplikasi serius daripada biopsi yang memerlukan kemasukan ke hospital.

DIAGNOSIS BARAH PROSTAT

1 daripada 12 LELAKI yang disaring akan didiagnosis dengan Barah Prostat.

Bukan semua kes barah prostat memerlukan rawatan. Sesetengah kes mungkin hanya memerlukan pemantauan. Jika rawatan diperlukan, diagnosis awal melalui ujian PSA dan pemantauan boleh mencapai:


50%

Pengurangan risiko penebaran barah prostat.

20%

Pengurangan risiko kematian akibat barah prostat.

Kelebihan dan kekurangan ujian PSA



Setiap lelaki yang diuji untuk paras PSA



Barah prostat



Paras PSA yang tinggi



Kesan sampingan seperti pendarahan atau jangkitan kuman

Kebanyakan lelaki yang didapati mempunyai paras PSA yang tinggi mungkin berasa resah selepas diuji. Golongan ini seterusnya mungkin akan menjalani biopsi dan mendapati bahawa mereka sebenarnya tidak menghidap barah. Banyak barah yang didiagnosis melalui ujian PSA ialah jenis yang lambat membesar. Oleh yang demikian, ia hanya memerlukan pemantauan. Hal ini mungkin memberi tekanan kepada sesetengah lelaki. Dengan merujuk rajah di atas, daripada setiap seratus lelaki yang disaring melalui ujian PSA, dua puluh orang akan mempunyai paras PSA yang tinggi dan memerlukan biopsi. Daripada dua

puluh orang ini, dua orang mungkin akan mengalami komplikasi seperti jangkitan kuman dan pendarahan, manakala empat orang lagi akan menghidap barah prostat. Daripada empat orang ini, ada beberapa dalam kalangan mereka yang akan memerlukan rawatan.

Untuk setiap lapan ratus orang lelaki yang menjalani ujian PSA, kita dapat menyelamatkan satu nyawa daripada barah prostat yang mungkin akan meninggal jika tidak dikesan di peringkat awal.

Ibu Pejabat Persatuan Barah Singapura (Singapore Cancer Society, SCS)

15 Enggor Street
Realty Centre, #04-01
Singapore 079716
Telefon: 6221 9578

Waktu buka: Isnin hingga Jumaat, 8.30 pg ke 6.00 ptg

- Perkhidmatan Korporat
- Perkhidmatan Penjagaan Hospis
- Pendidikan Awam
- Perkhidmatan Kebajikan

Klinik SCS di Bishan

9 Bishan Place
Junction 8 Office Tower, #06-05
Singapore 579837
Telefon: 6499 9133

Faks: 6499 9140

Waktu buka: Isnin hingga Jumaat, 8.30 pg ke 6.00 ptg

- Perkhidmatan Sokongan Kanser
- Perkhidmatan Saringan Kanser percuma (FIT, Pap Smear, Mammogram)

Pusat Pemulihan SCS

52 Jurong Gateway Road
JEM Office Tower, #08-04
Singapore 608550
Telefon: 6661 0590

Waktu buka: Isnin hingga Jumaat, 9.00 pg ke 6.00 ptg;
Sabtu, 9.00 pg ke 1.00 tgh hari

- Perkhidmatan Sokongan Kanser
- Perkhidmatan Saringan Kanser

Pusat Satelit SCS

National Cancer Centre Singapore

11 Hospital Drive
Singapore 169610
Telefon: 6436 8420
Faks: 6224 6441

Waktu buka:
Isnin hingga Jumaat,
8.30 pg ke 5.00 ptg

National University Cancer Institute, Singapore

National University Hospital
Medical Centre 1 Level 9, Unit D2
5 Lower Kent Ridge Road
Singapore 119074
Telefon: 6772 5463
Faks: 6268 5917

Waktu buka: Isnin hingga Jumaat,
9.00 pg ke 5.00 ptg

SCS Rehabilitation Centre @ JEM Office Tower
SCS Satellite Office @ National University Cancer Institute, Singapore
SCS Satellite Office @ National Cancer Centre Singapore